

17 APR 2001

ALI-PENASIHAT

PM LANTIK ALI ABUL HASSAN SBG PENASIHAT KHAS EKONOMI

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Bekas Gabenor Bank Negara Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman telah dilantik sebagai penasihat khas ekonomi kepada Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelantikan Ali Abul Hassan adalah untuk memudahkan beliau dalam membuat sebarang keputusan.

"Saya mempunyai banyak kerja sekarang dan ada antaranya yang memerlukan pemeriksaan teliti terutama perkara berkaitan kewangan," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan kampus Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Gombak, di sini, hari ini.

"Saya mengamanahkan beliau (Ali Abul Hassan) untuk memahamkan dengan lebih jelas perkara-perkara berkaitan dan kemudiannya memaklukkannya kepada saya agar saya boleh membuat keputusan," katanya.

Pelantikan Ali Abul Hassan adalah yang kedua dalam jawatan penasihat seumpama itu.

Pada Mei lalu, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dilantik sebagai penasihat ekonomi kepada Perdana Menteri.

Apabila ditanya bahawa beliau kini mempunyai dua penasihat ekonomi, Dr Mahathir berkata: "Mereka bukan sekadar penasihat ekonomi. Mereka bukan semata-mata datang menghadiri mesyuarat, banyak kerja yang mereka perlu lakukan..kerja-kerja yang tidak boleh dilakukan oleh saya."

Dr Mahathir juga berkata beliau banyak menghabiskan masa menjelajah seluruh negara menemui rakyat.

"Jika saya tidak menemui rakyat, mereka akan kata saya tidak menemui mereka. Ramai orang yang menulis kepada saya meminta saya menyelesaikan segala masalah mereka termasuk masalah kewangan, masalah peribadi, masalah perkahwinan dan lain-lain lagi.

"Saya perlu menghadiri majlis perkahwinan, saya perlu merasmikan universiti, saya perlu menanam pokok dan menemui pihak akhbar....,"katanya berjenaka.

Ali Abul Hassan, 60, dilantik sebagai Gabenor Bank Negara pada September 1998 menggantikan Tan Sri Ahmad Mohamed Don. Beliau bersara pada 1 Mei tahun lalu dan digantikan oleh Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz.

Ketika Ali Abul Hassan dilantik sebagai gabenor pada 1998, bank pusat sedang melaksanakan siri-siri langkah untuk memulihkan ekonomi dan menstabilkan ringgit.

Dalam usaha untuk mengekang spekulasi matawang, bank pusat mengumumkan seminggu sebelum pelantikannya yang berkuatkuasa pada 1 Okt 1998, ringgit tidak lagi boleh diniagakan di luar negara.

Ringgit yang susut nilainya sebanyak 40 peratus ketika itu berbanding dolar Amerika ditetapkan pada RM3.80.

Dilahirkan di Pulau Pinang, Ali Abul Hassan berkhidmat sebagai ketua pengarah Unit Perancangan Ekonomi (UPE) di Jabatan Perdana Menteri selama tujuh tahun sehingga 1998.

Sebagai ketua UPE, beliau juga menyaksikan penekanan agresif Malaysia kepada penswastaan utiliti kerajaan, di mana yang terbesar adalah elektrik dan telekomunikasi.

UPE, yang diketuai olehnya, membimbing kebanyakan daripada projek besar negara termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa KL, sistem transit ibu kota dan Lebuhraya Utara-Selatan.

Beliau menyertai dalam semua Pelan Lima Tahun Malaysia yang termasuk dua Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) dan dua Pelan Induk

Perindustrian (PIP).

Dalam kerjayanya, Ali Abul Hassan telah menyaksikan peralihan ekonomi negara daripada yang berasaskan pertanian kepada perindustrian dan pelbagaian industri tradisional untuk memasukkan pemprosesan mikro, produk semi konduktor dan produk berteknologi tinggi.

Beliau juga adalah setiausaha Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada Sept 1998 hingga April 2000.

Beliau adalah lulusan Universiti Malaya dengan memegang ijazah kepujian dalam ekonomi dan ijazah Sarjana dalam Pembangunan Ekonomi daripada Wisconsin University di Amerika Syarikat (AS). -- BERNAMA

MFZ SD ZK